

UMM - 6 AUG 2003

Keputusan muktamad pembentukan

KUALA LUMPUR 5 Ogos — Keputusan muktamad berhubung pembentukan pasaran bon Asia diharap dapat capai pada mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan ASEAN+3 (Jepun, Korea dan China) di Manila, Khamis ini.

Penasihat Khas kepada Kabinet Jepun, Profesor Haruhiko Kuroda berkata, cadangan pembentukan pasaran bon Asia itu merupakan idea yang menarik dan perlu diterima oleh semua pihak.

“Jepun menyokong kuat inisiatif penubuhan pasaran bon Asia dan perkara ini mendapat perhatian daripada Kabinet Jepun,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyampaikannya ucapan bertajuk ‘Sumbangan Jepun kepada Pembinaan Masyarakat Asia Timur’ pada majlis makan tengah hari sempena Kongres Asia Pertama di sini hari ini.

Kongres tiga hari anjuran Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa (ISIS) itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam.

Pembentukan pasaran bon Asia gagasan Dr. Mahathir, telah dipersetujui dalam Mesyuarat ASEAN+3 di Thailand tahun lalu dan menerima sokongan negara-negara Kesatuan Eropah yang mahukan alternatif kepada pasaran hutang antarabangsa yang dikuasai oleh Amerika Syarikat (AS).

Ia bertujuan memberikan kemudahan pinjaman pembiayaan kepada negara-negara Asia Timur tanpa terdedah kepada risiko manipulasi para pelabur Barat.

Bagaimanapun, cadangan itu menerima tentangan AS yang dikatakan melobi Jepun, Korea dan China supaya tidak menyokong pembentukan pasaran bon berkenaan.

Pada mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan Asia-Eropah

pasaran bon Asia esok

di Bali sebelum ini, Jepun menyatakan persetujuan untuk membangunkan instrumen pasaran seperti infrastruktur jual beli dan sistem penarafan.

Koruda seterusnya menyatakan keyakinannya bahawa impian negara-negara rantau ini melihat kewujudan pasaran bon Asia itu akan menjadi kenyataan walaupun mengambil masa yang agak lama untuk berkembang.

“Tetapi ia perlu bermula dari sekarang,” jelasnya.

Terdahulu dalam ucapannya, Kuroda berkata, Japan sentiasa berusaha mencuba membangunkan pasaran bon di rantau Asia.

Untuk itu, katanya, jumlah pelabur dengan bilangan paling yang sebanyak mungkin perlu dibawa masuk ke pasaran dengan disertakan kemudahan-kemudahan pasaran.

Ini termasuk meningkatkan kemudahan maklumat, rating kredit yang adil, katanya.

Berikutan itu beliau menaruh harapan yang tinggi agar mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan ASEAN+3 yang menyentuh pembentukan pasaran bon Asia itu dapat diterima sepenuhnya.

Mesyuarat itu dijangka akan menentukan secara terperinci mengenai pasaran bon tersebut termasuk saiz dan mata wang yang digunakan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam lawatannya ke Jepun bulan lepas berkata, pasaran bon Asia itu akan diurus niaga menggunakan mata wang negara serantau yang kukuh seperti Yen Jepun.